



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA

WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO

GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

ISI

Kenyataan Bilangan	Perkara	Muka Surat
S 21	Perlembagaan Negara Brunei Darussalam — Perintah Perkapalan Pedagang (Pindaan), 2021	208

Kenyataan berikut adalah disiarkan bagi makluman ramai dengan Titah Perintah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

CONTENT

Notification Number	Subject	Page
S 21	Constitution of Brunei Darussalam — Merchant Shipping (Amendment) Order, 2021	211

The following Notification is published for general information by Command of
His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

Bil. S 21

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG (PINDAAN), 2021

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 2 dari S 27/2002
 3. Pemasukan bab 208A baru
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG (PINDAAN), 2021

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perkapalan Pedagang (Pindaan), 2021.

Pindaan bab 2 dari S 27/2002

2. Bab 2 dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam ceraiian (1) —

(a) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “master” takrifan baru yang berikut —

“ “Notis Perkapalan Pedagang” bermakna suatu notis yang diperihalkan sebagaimana yang demikian dan dikeluarkan oleh Pengarah menurut bab 208A dengan cara sebagaimana yang mungkin ditentukannya;”

(b) dengan memotong takrifan “Minister” dan menggantikanya dengan takrifan baru yang berikut —

“ “Menteri” bermakna Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi;”

Pemasukan bab 208A baru

3. Perintah utama adalah dipinda sejurus selepas bab 208 dengan memasukkan bab baru yang berikut —

“Notis Perkapalan Pedagang

208A. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perintah ini, Pengarah boleh mengeluarkan Notis Perkapalan Pedagang berkaitan dengan perkara-perkara pentadbiran atau teknikal berhubung dengan perkapalan pedagang, pelayaran dan keselamatan sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pengarah boleh, dalam Notis Perkapalan Pedagang itu, menetapkan bahawa mana-mana peruntukan dari Notis itu boleh dikenakan kepada mana-mana orang atau kapal, atau kelas kapal yang tertentu.

(3) Mana-mana peraturan berhubung dengan perkapalan pedagang, pelayaran dan keselamatan yang dibuat di bawah Perintah ini boleh memperuntukkan bahawa tidak mematuhi Notis Perkapalan Pedagang adalah menjadi suatu kesalahan.”.

Diperbuat pada hari ini 25 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 7 haribulan Julai, 2021 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

No. S 21

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM
(Order made under Article 83(3))

MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT) ORDER, 2021

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Citation
 2. Amendment of section 2 of S 27/2002
 3. Insertion of new section 208A
-

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM
(Order made under Article 83(3))

MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT) ORDER, 2021

In exercise of the power conferred by Article 83(3) of the Constitution of Brunei Darussalam, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan hereby makes the following Order —

Citation

1. This Order may be cited as the Merchant Shipping (Amendment) Order, 2021.

Amendment of section 2 of S 27/2002

2. Section 2 of the Merchant Shipping Order, 2002, in this Order referred to as the principal Order, is amended, in subsection (1) —

(a) by inserting the following new definition immediately after the definition of “master” —

“ “Merchant Shipping Notice” means a notice described as such and issued by the Director pursuant to section 208A in such manner as he may determine;”;

(b) by deleting the definition of “Minister” and by substituting the following new definition therefor —

“ “Minister” means the Minister of Transport and Infocommunications;”.

Insertion of new section 208A

3. The principal Order is amended by inserting the following new section immediately after section 208 —

“Merchant Shipping Notices

208A. (1) Subject to the provision of this Order, the Director may issue Merchant Shipping Notices in respect of administrative or technical matters relating to merchant shipping, navigation and safety as may be necessary for the purposes of this Order.

(2) The Director may, in the Merchant Shipping Notice, prescribe that any provision of that Notice shall be applicable to any specified person or ship, or class of ships.

(3) Any regulations relating to merchant shipping, navigation and safety made under this Order may provide that non-compliance with the Merchant Shipping Notice shall be an offence.”.

Made this 25th. day of Zulkaedah, 1442 Hijriah corresponding to the 7th. day of July, 2021 at Our Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**HIS MAJESTY
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN,
BRUNEI DARUSSALAM.**